

## Pelajar KUIS dalami dunia sebenar bidang komunikasi

Sudirman Mohd Tahir  
sudirman@hmetro.com.my



Pembelajaran secara dalam talian tidak menghalang mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) menjalankan pelbagai kegiatan persatuan.

Tidak lengkap rasanya kalendar persatuan yang diwakili tanpa menganjurkan acara memabitkan ahli persatuan meski pun tidak diadakan secara bersemuka seperti kebiasaan.

Mengambil kira kepentingan itu, Persatuan Mahasiswa Komunikasi atau Comm.Unity, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengadakan Hari Komunikasi KUIS sempena penganjuran program Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) Month baru-baru ini.

Hari Komunikasi KUIS itu membawakan pelbagai aktiviti merangkumi semua elemen dalam bidang komunikasi selari dengan program pengajian yang ada iaitu Diploma Komunikasi dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran).



SHAHRULEZAD pada sesi Bengkel Penerbitan TV

Antara aktiviti yang dijalankan ialah Bengkel Penerbitan TV yang menampilkan panel jemputan penerbit, pengarah dan penulis skrip, Shahrulezad Mohameddin; Voice Over dan News Reading Challenge bersama pembaca berita dan penyampai radio Suria FM, Naim Hashim; serta Bual Bicara Santai menerusi tajuk Dunia Penyiaran & Kewartawanan: Dulu dan Kini bersama panel Ketua Pegawai Eksekutif TV Alhijrah, Namanzee Harris dan Wartawan Harian Metro, Firdaus Hashim.

Presiden Comm.Unity, Muhammad Ashraf Mohd Ali Piah berkata, program Hari Komunikasi itu memberi pendedahan yang besar pada seluruh mahasiswa pengajian Komunikasi sebagai persediaan masuk dalam industri.

"Program seumpama ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengetahui dengan lebih jelas dan mendalam senario dunia komunikasi dan penyiaran hari ini. Mungkin apa yang dipelajari tidak sama dengan realiti sebenar.

"Jadi, dengan adanya panel jemputan dari pelbagai latar belakang dan berpengalaman luas dalam industri, sudah pasti ia banyak menambahkan pengetahuan pelajar. Perkongsian yang disampaikan sangat bermanfaat.

"Jelas sekali dunia komunikasi terutama bidang kewartawanan dan penyiaran hari ini sudah jauh berbeza berbanding dulu. Malah, cabaran lebih besar menanti. Tinggal lagi cara macam mana untuk kita gunakan peluang yang ada dengan sebaik mungkin," katanya.



PRESIDEN Comm.Unity, Muhammad Ashraf.

Menurut Muhammad Ashraf, program yang berlangsung sepanjang satu hari antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dalam mengembangkan bakat dan skil lain yang ada dalam diri.

"Kita tahu ada dalam kalangan pelajar yang bakal menjalani Latihan Industri (LI) di pelbagai syarikat media. Jadi, program ini sedikit sebanyak membuka minda mereka untuk lebih bersedia dalam berdepan situasi semasa.

"Dalam masa sama, menerusi perkongsian dijalankan mereka dapat membina keyakinan dalam menonjolkan kelebihan yang ada pada diri seperti membuat 'voice over,' membaca berita, menulis skrip, mengarah dan banyak lagi.

"Paling penting, mereka juga perlu tahu bagaimana nak menjalankan tanggungjawab sebagai mahasiswa KUIS yang berteraskan al-Quran dan as-Sunnah," katanya.

Selain Hari Komunikasi, sembilan persatuan lain di bawah FPM turut menjalankan pelbagai lagi aktiviti menarik sempena FPM Month itu.

Antaranya, Bual Bicara Santai: Kehidupanku Di Bumi Turki, Public Speaking Challenge, Program Industri Halal Selangor, Tip Simpanan Duit Berapa & Di Mana? dan banyak lagi.

Kemuncak pada FPM Month adalah Makan Malam FPM yang bakal diadakan pada bulan depan.



NAIM Hashim memberikan komen pada peserta VO dan News Reading Challenge.

**Disiarkan pada: Februari 28, 2022 @ 7:31pm**